

31 OCT 1996

TENAGA NASIONAL DIBENARKAN GANDAKAN KEUPAYAAN LOJI DI LUMUT

KUALA LUMPUR, 31 Okt (Bernama) -- Tenaga Nasional akan dibenarkan melipat gandakan keupayaan loji tenaganya yang dicadangkan di Lumut kepada 2,000 megawatt (MW), kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Langkah tersebut akan membolehkan syarikat kemudahan awam itu memperluaskan keupayaan penjanaan elektrik kerana kerajaan telah memutuskan supaya tidak mengeluarkan lagi lesen kepada penjanakuasa elektrik persendirian (IPP).

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan bangunan pejabat baru Tenaga Nasional, iaitu "Bangunan Penjanaan" di sini.

Pengerusi eksekutif Tenaga Nasional Dr Ahmad Tajuddin Ali berkata loji itu akan menggunakan arang batu untuk mengimbangi campuran tenaga bagi penjanaan kuasa elektrik. Buat masa sekarang, gas merangkumi 69 peratus daripada campuran tenaga dan bakinya dihasilkan dari hidro elektrik, minyak bahan api dan arang batu.

"Kami sedang membuat persediaan, termasuk perancangan dan mengenal pasti tapak dengan bantuan kerajaan negeri Perak," katanya berhubung loji yang dicadangkan itu.

Pengumuman yang terperinci mengenai loji tersebut akan dibuat dalam sedikit masa lagi dan loji itu merupakan yang terbesar menggunakan arang batu oleh Tenaga Nasional, tambah beliau.

Mengenai usaha mempopularkan penggunaan tenaga elektrik, Ahmad Tajuddin berkata Tenaga Nasional akan berganding bahu dengan beberapa syarikat membuat alat kelengkapan elektrik untuk isi rumah bagi mempromosikan tenaga elektrik.

Usaha-usaha lain termasuk iklan tentang keselesaan dan mutu bekalan tenaga elektrik, tambahnya.

Tenaga Nasional kini mempunyai lebih keupayaan 48.37 peratus.

Mengenai kerelaan yang ditunjukkan oleh beberapa IPP untuk berkongsi kos bekalan tenaga elektrik dengan Tenaga Nasional ke kawasan luar bandar, Dr Mahathir pula berkata: "Kami mengalu-alukan kesediaan mereka untuk memenuhi tanggung jawab sosial mereka."

Bagaimanapun, beliau berpendapat IPP harus memperluaskan bidang tanggung jawab ini dengan menanggung beban menyalurkan tenaga elektrik ke pekan-pekan kecil.

Dana ses adalah satu daripada cara IPP boleh membantu menyediakan tenaga elektrik ke kawasan luar bandar, manakala pendekatan yang lain masih dikaji, tambahnya.

"Kami mahukan pandangan daripada IPP yang mungkin mempunyai cadangan-cadangan lain yang boleh dipertimbangkan," katanya.

Ditanya tentang kadar yang berbeza-beza yang dibayar oleh Tenaga Nasional untuk membeli tenaga daripada IPP, Dr Mahathir berkata kadar yang lebih tinggi terpaksa ditawarkan bagi menarik sektor swasta melabur dalam IPP.

"Tetapi kami telahpun memutuskan hanya (membeli tenaga elektrik) pada kos yang paling murah."

Katanya walaupun sesetengah IPP mengenakan bayaran yang lebih tinggi, mereka akan mengenakan kadar yang sama bagi tempoh 30 tahun dan Tenaga Nasional akan mendapat manfaat dalam jangka panjang.

Menyentuh tentang kemungkinan bekalan elektrik akan terputus lagi pada masa depan, Dr Mahathir berkata ia tidak boleh diberi jaminan kerana

negara-negara maju juga menghadapi masalah yang serupa.

"Bagaimanapun, kita mahu mengurangkan kemungkinan ini," tambahnya. --

BERNAMA

AD MA/sia